



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

## Peranan http2 dalam laman sesawang

**B**AGAIMANA teknologi http/2 berperanan dalam pelayaran sesebuah laman sesawang?  
- Hamba Allah.

PERTAMANYA, http/2 merupakan satu protokol komputer untuk paparan sesebuah laman sesawang atau web menerusi aplikasi pelayar web. Protokol http/2 ini merupakan versi kedua bagi protokol http (*hyper text transfer protocol*) yang telah ditambah baik dan dinaik taraf untuk paparan sesebuah laman sesawang dengan lebih baik. Versi protokol http yang digunakan pada peringkat awal dikenali sebagai versi http/1.0 dan http/1.1.

Protokol http/2 ini dibangunkan untuk mengatasi beberapa isu dan penggunaan teknologi terkini seperti penggunaan video menerusi web, penggunaan peralatan mudah alih dan lain-lain. Antara lain, dalam protokol http yang lama mempunyai masalah dalam permintaan sambungan secara banyak.

Sekiranya melebihi had sambungan akan menyebabkan masalah kesesakan trafik dalam sesebuah pelayar web.

Permintaan sambungan yang banyak dalam protokol http ini juga disebabkan oleh berlakunya duplikasi data yang sama dalam sambungan tersebut.

Dalam protokol http ini terdapat banyak masalah bebanan ketika permintaan sambungan dibuat. Oleh itu, permintaan sambungan yang banyak akan menjejaskan prestasi paparan sesebuah laman sesawang.

Protokol http/2 telah dibangunkan oleh kumpulan kerja http daripada IETF (*Internet Engineering Task Force*). Kumpulan kerja ini juga bertanggung jawab dalam menyelenggara dan mengurus protokol http.

Kumpulan kerja ini terdiri daripada ramai ahli yang mempunyai latar belakang pelbagai seperti pengguna, operator rangkaian, pakar dan pembangun dalam penggunaan protokol http. Sumbangan dan usaha yang lebih spesifik datang daripada jurutera-jurutera yang terlibat dalam projek-projek besar seperti *Firefox*, *Chrome*, *Twitter*, *Microsoft's HTTP Stack*, *Phyton*, *Ruby*, *NodeJS* dan lain-lain.

Protokol http/2 ini telah menggunakan protokol SPDY sebagai asas pembangunan protokolnya yang diperkenalkan oleh pihak Google. Namun begitu, setelah protokol http/2 ini dilancarkan, protokol SPDY ini dimansuhkan penggunaannya.

Protokol http/2 ini telah disokong oleh kebanyakan aplikasi pelayar web yang biasa digunakan seperti *Google Chrome*, *Mozilla Firefox* dan lain-lain.

Dengan penggunaan protokol http/2 ini, laman sesawang akan dipaparkan dengan lebih pantas, sambungan menjadi lebih rentan dan tahan lama dan pelayan web akan memberi tindak balas kepada permintaan dengan lebih banyak kandungan.